

IVORY



PERTANDINGAN REKACIPTA “GREEN CORNER”

SEMINAR GREEN BUILDING MyCREST

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022

IPMA BRIDGE DESIGN COMPETITION 2023

PROGRAM OUTDOOR RECREATION COURSE (OUTREC 1)

PERTANDINGAN MODEL REKA BENTUK BIM TERBAIK



Pemasangan Scaffold dan Solar Photovoltaic (PV)



Program pemasangan scaffold dan solar photovoltaic (PV) ini dilakukan pada 1 September 2023 di Dewan Terbuka JDT, Dataran Cenderawasih Sg. Abong, Muar yang dianjurkan oleh Program DTE. Program ini melibatkan beberapa orang staf termasuk Pengarah, Tn Hj Azman Bin Ali, pensyarah program DTE, pensyarah program DTC, Ketua Program DTH dan pelajar program DTC dan program DTE termasuk pemandu.



Program ini bertujuan melatih khususnya kepada pelajar untuk mempraktikkan amali pemasangan perancah dan PV.



Sentuhan Kasih Desa di Simpang Jeram



Program ini juga diserikan dengan kehadiran TPM merangkap Menteri KKDW, Datuk Seri Dr. Zahid Hamidi.



Program sentuhan kasih desa di Simpang Jeram diadakan pada 1 dan 2 September 2023 bertempat di Dewan Terbuka JDT, Dataran Cenderawasih, Sungai Abang, Muar, Johor.

KKTM Sri Gading telah dijemput sebagai salah seorang pempamer dalam program ini. Terdapat enam orang staf DTE dan empat pelajar ditugaskan mempromosikan kolej dalam program ini. Tuan Pengarah, Tuan Haji Azman bin Ali meluangkan masa dalam menghadiri program ini



Pelbagai aktiviti menarik turut dilaksanakan seperti Perkhidmatan Gunting Rambut, Servis Motosikal, Jualan Usahawan, Bazar Rakyat Peduli Prihatin FELCRA, Senamrobik, Sukaneka Rakyat, Pertandingan Futsal, Pertandingan Netball Shootout serta Cabutan Bertuah.



Pelancaran Program Kitar Semula Minyak Terpakai

Program dijalankan pada 4 September 2023 di sekitar Dataran Teknorat KKTm Sri Gading selepas perhimpunan mingguan staf. Program ini dilaksanakan sebagai CSR unit pentadbiran untuk menyokong Program Hijau dan Kitar Semula di KKTm Sri Gading.

Pelancaran disempurnakan oleh Puan Hajjah Hanna Hayzalina (menjalankan tugas sebagai Timbalan Pengarah KPHP). Antara objektif program adalah:

1. Menyemai sikap amalan 3R (*reuse, reduce, recycle*) di kalangan staff KKTm Sri Gading.
2. Membentuk budaya kitar semula bagi bahan terpakai di kalangan warga KKTm Sri Gading.



Program Jom Bisnes Negeri Johor

Program Jom Bisnes Negeri Johor dijalankan di Kompleks Usahawan Teknologi MARA Technovation Park, UTM Skudai pada 4 September 2023. Program ini telah dihadiri oleh Datuk Hajah Rubiah binti Wang (Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KDDW) di mana Jawatankuasa Komunikasi Korporat KKTM Sri Gading telah menyertai program tersebut.

The poster features the official logo of the Ministry of Rural Development and Town Planning (KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH) at the top. Below it is the large, stylized text "JOM BISNES" with "NEGERI JOHOR" written underneath. A red arrow graphic points upwards through the letter "O". Below the main title is the tagline "Inspirasi Kejayaan Perniagaan Menanti Anda". The event details are listed as follows:

- KOMPLEKS USAHAWAN TEKNOLOGI MARA TECHNOVATION PARK, UTM SKUDAI
- 4 SEPTEMBER 2023
- 9.30 Pagi - 3.00 Petang

A yellow banner below the details lists "Pelbagai Acara Menarik Menanti Anda!!" (Many exciting events awaiting you!!). The poster is divided into several sections with icons and text:

- JOM BISNES**
 - JUALAN PRODUK USAHAWAN MARA
 - KHIDMAT NASIHAT PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN MARA
 - KHIDMAT NASIHAT KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN MARA
- PROMOSI PROGRAM TVET**
 - UNIKL MITEC
 - KKT M LEDANG
 - KKT SR GADING
 - IKM JOHOR BAHRU
 - GIATMARA
- TOUCHPOINT GIATMARA**
 - SERVIS TUKAR MINYAK HITAM MOTOSIKL (TERHAD KEPADA 100 PENGUNJUNG TERAWAL)
 - TEKNIK SOLEKAN
 - TEKNIK MENGOHIAS KEK DAN PASTRI
 - MANICURE & PEDICURE
- KHIDMAT NASIHAT SUBSIDIARI MARA**
 - PRODUK PMB INVESTMENT
 - PRODUK RURAL CAPITAL BERHAD

Logos for various partners and sponsors are displayed at the bottom, including Rural Capital, UniKL, KKT, GIATMARA, ILCM, and Majlis Amanah Rakyat. There is also a mention of "Rakan Kerjasama Strategik".



Program Sekolah Rukun Negara (ASAS)



Program Sekolah Rukun Negara (ASAS) ini merupakan anjuran *Institute Leadership Excellent and Development* (i-LEAD) di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Program ini telah diadakan pada 5 September 2023 bertempat di Dewan Darul Takzim KKTM Sri Gading.



Penceramah jemputan bagi program ini ialah En. Mohd Hishamudin dan En. Norzilam. Peserta adalah dari semua pelajar KKTM Sri Gading. Objektif program adalah:

1. Memantapkan kesedaran dan kefahaman tentang sistem demokrasi berparlimen raja berpelembagaan.
2. Memantapkan semangat patriotik jati diri dan kesepaduan nasional untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab.



Pada 7 September 2023, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH) telah mengadakan lawatan kerja bersama Syarikat Safwa Global Venture Malaysia Sdn Bhd yang dikendalikan Ketua Program DTH, Ts Lelasari bin Ali.

LAWATAN KERJA PROGRAM DTH BERSAMA SAFWA GLOBAL VENTURE MALAYSIA SDN BHD

Lawatan kerja ini melibatkan Timbalan Pengarah HEA iaitu Ts. Wan Jazlan Zuhairi Bin Ghazali dan seluruh warga kerja program DTH iaitu seramai 10 orang pensyarah turun padang bagi melihat kerja-kerja penyelenggaraan secara CIPR yang dilakukan oleh pihak syarikat Safwa Global Venture di lokasi di jalan besar Pasir Gudang, Johor.




Objektif program:

1. Dapat melihat sendiri kerja-kerja penyelenggaraan ditapak sebenar dengan teliti dan cara penggunaan alat yang digunakan.
2. Dapat menjalankan kerjasama dengan pihak syarikat secara tidak langsung dan juga mempromosikan kolej bagi pelajar-pelajar yang akan mengikuti latihan industri.

OUTSOURCE TRAINING PROGRAMME PERISIAN “ESTEEM” KEPADA PELAJAR IKM SG PETANI

Pada 05 dan 06 September 2023, pihak Institut Kemahiran MARA Sungai Petani (IKM SP) Kedah telah mengikuti satu program *Outsource Training Programme* Perisian ‘Esteem’ yang di adakan di KKTM Sri Gading.



Program latihan ini melibatkan pelajar-pelajar dari Program Sijil Teknologi Kejuruteraan Lukisan Struktur (SLS). Latihan ini berlangsung selama 2 hari di BIM Lab 3 dan juga di ACAD 1 iaitu antara kemudahan yang ada di KKTM Sri Gading. Ianya telah dikendalikan oleh pensyarah yang mengajar subjek ini iaitu Puan Noor Haslini Binti Manaf dari program DTH.

Objektif program:

1. Untuk memberi pendedahan kepada pelajar IKMSP tentang penggunaan software *Esteem* bagi melakukan tugas mereka.
2. Dapat berkongsi pandangan mengenai ilmu pengetahuan dan juga melalui kaedah yang terbaik dalam membuat latihan mengikut silibus subjek.



Program Plogging Kelab Kembara Bersama Pelajar MPP KKTM Sri Gading

Program *plogging* anjuran Kelab Kembara (dibawah Kelab Sekretariat) KKTM Sri Gading pada kali ini diadakan di Gunung Lambak, Kluang Johor pada hari Sabtu iaitu 09 September 2023.

Program ini melibatkan 3 orang staf teknikal, dan setiap seorang staf dari unit pengajian am dan sokongan bagi mengawal selia 80 orang pelajar KKTM Sri Gading yang menyertai program ini.



Program ini mendapat sambutan baik dari kalangan pelajar kolej yang mana iaanya boleh memberi kesan yang baik selain aktiviti harian yang dilakukan sebelum ini.

Objektif program:

1. *Plogging* dikatakan berasal dari negara Sweden dimana ungkapan Swedish “*plocka upp*” yang bermaksud “mengutip”.
2. *Plogging* adalah *Fitness trend* berasal dari Sweden yang menggabungkan aktiviti larian dan mengutip sampah.
3. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar dan daya tahan lasak pelajar dalam mencapai matlamat asal.

PENERIMA ANUGERAH PEKERJA TERBAIK (APT) BULAN OGOS 2023



Penyampaian sijil bagi penerima Anugerah Pekerja Terbaik (APT) bulan Ogos 2023 untuk staf akademik adalah Puan Fadzilah Mamat (DTG) dan Encik Khairuddin bin Abd Majid (Pengajian Am). Manakala penerima untuk staf pentadbiran ialah Encik Ahmad Bazli Bin Zainol.

Tahniah kepada semua penerima APT untuk bulan Ogos 2023. Penyampaian sijil ini diberikan pada 11 September 2023 pada perhimpunan mingguan staf.

Objektif program:

1. Untuk memberi peransang kepada seluruh anggota kerja dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan baik dan jujur.
2. Mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif serta saling bekerjsama dalam komuniti.



PERTANDINGAN REKACIPTA “GREEN CORNER” ANJURAN JK TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR

Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Alam Sekitar KKTM Sri Gading telah menganjurkan pertandingan Rekacipta ‘Green Corner’ dan disertai oleh semua program termasuk staf pentadbiran. Pertandingan ini bermula pada 17 Julai hingga 14 Ogos 2023 dimana ianya bebas untuk staf menunjukkan kreativiti masing-masing.



Berikut merupakan pemenang bagi pertandingan ini :

- 1.Tempat Pertama: Program DTV
- 2.Tempat Kedua : Pengajian Am
- 3.Tempat Ketiga : Program DTC



KURSUS PEMAHAMAN KAJIAN PENILAIAN IMPAK LALULINTAS (TIA)



Kursus Pemahaman Kajian Penilaian Impak Lalulintas (TIA) telah diadakan selama 2 hari pada 10 dan 11 Julai 2023 oleh jabatan DTH bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pengajar berkaitan dengan aplikasi *Traffic Impact Asessment* (TIA) dalam bidang kejuruteraan trafik.



Selain itu, kursus ini juga memberi pendedahan kepada pensyarah perkara yang perlu dititikberatkan dalam penyediaan dan pelaksanaan laporan TIA. Diharap dengan kursus ini akan dapat mengukuhkan lagi proses penyampaian ilmu pengetahuan kepada pelajar selain dapat membina imej MARA dan KKTM Sri Gading sebagai penyedia latihan TVET dengan pensyarah berpengetahuan dalam bidang trafik terutama kajian penilaian impak lalulintas terkini.



CERAMAH ANTI RASUAH PERINGKAT KKTM SRI GADING



Program ceramah anti rasuah peringkat KKTM Sri Gading dijalankan pada 7 September 2023 bertempat di Dewan Teater A KKTM Sri Gading. Peserta terdiri dari pelajar semester 5. Penceramah adalah dari SPRM Johor iaitu Tuan Yunus Bin Mohamed bersama Tuan Mohd Hafez Bin Husaini.

Objektif program ialah:

1. Memupuk komitmen yang lebih tinggi untuk semua warga KKTM Sri Gading dalam proses pembudayaan integriti di Kolej
2. Menyampaikan kepentingan aspek integriti dan isu-isu berkaitan integriti dalam pendidikan.

ALUMNI KKTM SRI GADING MENYAMBUNG PENGAJIAN DI UNIVERSITY OF NEW SOUTH WALES, SYDNEY, AUSTRALIA

Seramai tiga orang alumni KKTM SG berjaya menyambung pengajian di Universiti New South Wales, Sydney, Australia. Mereka akan berlepas dari lapangan kapal terbang KLIA pada 14 September 2023. Kursus ditawarkan adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Dengan Kepujian) dengan bantuan pinjaman dari Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA. Semoga mereka semua dikurniakan kejayaan yang cemerlang pada masa akan datang.



**TAHNIAH !
HANISAH BINTI AZMAN
PROGRAM DTE**



**TAHNIAH !
NURUL FATANAH BINTI ABDUL
WAHABI
PROGRAM DTV**



**TAHNIAH !
SARAH LIDYA BINTI EDI HAMLI
PROGRAM DTF**

Pada 13 September 2023, German Malaysian Institute (GMI) telah membuat Lawatan Penanda Aras Bagi Program Diploma Tenaga Lestari & Pengagihan Kuasa dari German Malaysian Institute (GMI) di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading bersama Program Tek.Kej.Pembinaan Bangunan Hijau (DTE) KKTM Sri Gading. Seramai 5 staf GMI dan 9 staf KKTM Sri Gading terlibat bagi kerja-kerja penanda aras ini.



Staf GMI juga telah membuat lawatan ke "Green Lab" di KKTM Sri Gading bagi membuat kerja-kerja penanda aras terutamanya untuk pembelian alatan. Diharapkan juga dengan penanda aras ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara dua institusi ini.




Lawatan Penanda Aras Bagi Program Diploma Tenaga Lestari & Pengagihan Kuasa dari German Malaysian Institute (GMI) bersama Program Tek. Kej. Pembinaan Bangunan Hijau (DTE) KKTM Sri Gading.





KURSUS PERISIAN APLIKASI MITS UNTUK PENSYARAH KKTM SRI GADING

Seramai 10 orang pensyarah KKTM Sri Gading telah menyertai Kursus Perisian Aplikasi MITS yang bertempat di BIM Lab 3, KKTM Sri Gading pada tarikh 13 September 2023 (Rabu). Nurbatrisyia Ahmad Zailani dari Technical Civil Engineer MES Innovation Sdn Bhd & Amber Wang Huixin dari Business Development Engineer MES Innovation Sdn Bhd telah dijemput untuk menjadi penceramah kursus tersebut. Kursus ini anjuran dari Program DTG bagi menguasai penggunaan teknologi terkini aplikasi perisian MITS di dalam industri pembinaan dan seterusnya melestarikan pengajian TVET ke arah celik IT dan IR 4.0 di kalangan pensyarah KKTM Sri Gading. Moga kursus ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta kursus.



Latihan Intensif Peserta Akhir World Skill Malaysia Belia (WSMB) KKTm Sri Gading



Latihan intensif bagi peserta akhir World Skill Malaysia Belia (WSMB) telah diadakan pada 16 dan 17 September 2023 di 21st Century Room, KKTm Sri Gading sebelum menghadapi Pertandingan Akhir World Skill Malaysia Belia (WSMB) yang akan berlangsung pada 24 hingga 28 September 2023.

MyCREST POINTS


Kaizen Hotel & Suites
September 15, 2023



NATIONAL PHARMACEUTICAL
REGULATORY AGENCY (NPRA)
[BAHAGIAN REGULATORI FARMASI
NEGARA]



KOLEJ
KEMAHIRAN
TINGGI MARA SRI
GADING



Seminar Green Building (MyCREST) kepada National Pharmaceutical Regulatory Farmasi Negara

Seminar Green Building (MyCREST) kepada National Pharmaceutical Regulatory Farmasi Negara telah diadakan pada 15 September 2023 (Jumaat) bertempat di Kaizen Hotel & Suites. En Mawardi dari jabatan DTE telah dipilih untuk menjadi penceramah tersebut. Tahniah kepada jabatan DTE kerana menjadi pakar dalam bidang bangunan hijau.



Program Khidmat Masyarakat (CSR) oleh Pelajar Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Perkhidmatan Bangunan & Penyelenggaraan) – DTM dengan kerjasama Syarikat Aymas Group

Program Khidmat Masyarakat (CSR) ini bagi menjalankan kerja-kerja membina wingwall jambatan dan membersihkan kawasan parit di Madrasah Tahfiz Luqman Al Hakim (Madlah), Kampung Parit Jelutong, Parit Raja, Batu Pahat pada 14 September 2023 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Terima kasih kepada pihak Maahad Tahfiz Luqman Al Hakim , En. Ayob bin Embong kerana sudi menerima 20 pelajar jabatan DTM yang terdiri daripada pelajar lelaki semester 3 dan semester 4 bagi sesi Julai - Disember 2023.



Objektif program:

1. Program Khidmat Masyarakat ini sebahagian aktiviti yang mendekatkan komuniti masyarakat luar bersama kakitangan dan juga pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading .
2. Program ini juga dapat membentuk satu komuniti yang saling bantu membantu antara satu sama lain.



PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2022



Tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 yang telah diadakan di Hotel Ames, Melaka pada 11 September 2023. Penghargaan ini dapat menyuntik motivasi dan aspirasi atas sumbangan cemerlang yang dipamerkan.

Senarai penerima anugerah:

1. Ts Wan Jazlan Zukhairi bin Hj Ghazali
2. Ts Aidatul Salwani binti Jamaluddin
3. Siti Rohaida binti Arshad
4. Ts Zahtuliffa binti Tusimin
5. Pazlina binti Raba'i
6. Rohana binti Kimon
7. Mohd Fauzan bin Saidin
8. Mohd Ruzaini bin Mohd Suhaimi
9. Norazri bin Zaidin
10. Aznan bin Saadon



BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA JOHOR: 1 HOUR CLEAN UP & WORLD CLEAN UP DAY



Pada 18 September 2023, sekumpulan pensyarah seramai 9 orang daripada Jabatan Pengajian Am, KKTM Sri Gading telah menyertai Program Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Johor: *1 Hour Clean Up & World Clean Up Day* Batu Pahat yang dianjurkan bersama oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam - SWCorp, Wellness Hub Batu Pahat, Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat dan SWM Environment Sdn Bhd. Program tersebut telah diadakan di sekitar Pantai Minyak Beku, Batu Pahat.

Objektif program tersebut adalah untuk menyemarakkan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera disamping memupuk kesedaran terhadap kebersihan alam sekitar.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah disediakan pada hari tersebut termasuklah Senamrobik, *Pocket Talk*, *Plogging* Cari dan Musnah, Timbang Audit Sisa dan sebagainya.





MAJLIS PENYERAHAN BAJU KONTINJEN KEPADА WAKIL KONTINJEN SUKAT X

Pada tahun ini, KKTM Kuantan telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi temasya SUKAT kali ke-10 (SUKAT X). Seramai 50 orang atlet yang diketuai oleh Encik Mohd Fizal bin Abu Bakar telah mewakili Kontinjen KKTM Sri Gading ke SUKAT X.

Satu Majlis Penyerahan Baju Kontinjen kepada wakil kontinjen KKTM Sri Gading iaitu Tuan Haji Azman bin Ali telah disempurnakan dalam slot Perhimpunan Pagi Staf yang dikelola oleh Program DTE (Bangunan Hijau).



Slogan yang dibawa oleh kontinjen KKTM Sri Gading, "Menang sudah tentu, kalah belum pasti" akan menjadi penyuntik semangat kepada para atlet untuk berentap di SUKAT X dan mengumpul pingat sebanyak yang mungkin untuk dibawa pulang.



TAKLIMAT & SARINGAN KESIHATAN


Tarikh : 19 September 2023 (Selasa)

Masa : 9.30 pagi - 2.00 petang

Tempat : Bilik Seminar KKTM Sri Gading

- ♡ Pendaftaran Subsidi Mamogram
- ♡ Pemeriksaan Payudara
- ♡ Ujian HPV DNA
- ♡ Pemeriksaan Gula / Kolestrol
- ♡ Pemeriksaan BMI / BP

Anjuran : LPPKN Batu Pahat & Unit Pentadbiran KKTM Sri Gading



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR) BAGI TAKLIMAT & SARINGAN KESIHATAN BERSAMA LPPKN DAN KOMUNITI SETEMPAT ANJURAN UNIT PENTADBIRAN KKTM SRI GADING



Satu Program Khidmat Masyarakat (CSR) yang dianjurkan bersama oleh LPPKN Batu Pahat dan Unit Pentadbiran KKTMSG telah diadakan di Dewan Darul Takzim, KKTMSG pada 19 September 2023. Program CSR ini melibatkan semua warga KKTMSG termasuk staf dan pelajar dan juga terbuka kepada komuniti setempat di sekitar KKTMSG. Melalui program ini, pihak pengajur dapat membuka minda orang sekeliling mengenai kepentingan menjaga Kesihatan untuk menjamin masa depan lebih baik.

ALUMNI KKTMSG PELAJAR PROGRAM DTE KE MARA OISCA

PERMOHONAN KEMASUKAN
PUSAT BAHASA JEPUN MARA-OISCA

SYARAT-SYARAT
BUJANG
BERUMUR 20-29 TAHUN
LEPASAN IPMA

AMBILAN OKTOBER 2023

BIDANG DIPERLUKAN
KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBINAAN
TEKNOLOGI KEJURUTERAAN BANGUNAN

KEMUDAHAN DISEDIAKAN
 ELAUN SARA HIDUP
 ASRAMA
 YURAN DIBIAYAI MARA

IMBAS QR DAN MOHON SEKARANG 

CALL : 03 - 8724 9344



Alhamdulillah, seorang lagi Alumni KKTG Sri Gading dari Program Teknologi Bangunan Hijau (DTE) iaitu Muhammad Zafri telah lulus MARA-OISCA dan akan menjalani latihan industri di Jepun selama 3 tahun.

Tahniah kepada pelajar berikut:


Nama: Muhammad Zafri Bin Mohd Zamri

Nama program: MARA Oisca

Tempoh intern: 3 tahun

Syarikat intern: Field Service

Bagi sesiapa yang berminat untuk menyertai MARA-OISCA untuk ke Jepun, boleh rujuk poster yang diberikan. Jom sertai MARA-OISCA!!



Pada 22 September 2023 yang lalu, Tuan Pengarah KKTMSG iaitu Tuan Haji Azman bin Ali telah menyempurnakan Majlis *Flag Off* Kontinjen KKTM Sri Gading ke Temasya SUKAT X 2023 di KKTM Kuantan.

Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Encik Wan Jazlan Zuhairi (TPHEP) dan Puan Hajah Hana Hayzalina (menjalankan tugas TPKPHP).

Semoga semua selamat sampai dan berjaya menggenggam pingat emas untuk KKTM Sri Gading. Semoga beroleh kemenangan kepada semua atlet.



MAJLIS *FLAG OFF* KONTINJEN KKTM SRI GADING KE TEMASYA SUKAT X 2023 DI KKTM KUANTAN

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI KKTM SRI GADING (KOGADING) KE-10



**KOGADING
MESYUARAT
AGONG TAHUNAN**

21 SEPTEMBER 2023
2.00 - 4.30 PM
DEWAN DARUL TAKZIM, 2023

ANJURAN:
KOPERASI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI
GADING BATU PAHAT BERHAD

CABUTAN BERTUAH & ELAUN DISEDIAKAN



Koperasi KKTM Sri Gading (KOGADING) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-10 pada 21 September 2023 bertempat di Dewan Darul Takzim dan bermula pada jam 2.00 petang.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Tuan Hj. Azman bin Ali, Pengarah KKTM Sri Gading. Mesyuarat juga telah dihadiri oleh anggota Koperasi KKTM Sri Gading terdiri daripada warga kerja dan pelajar KKTM Sri Gading. Terdapat hadiah cabutan bertuan dan elaun juga diberikan kepada anggota koperasi yang hadir.

FESTIVAL NASYID UNTUKMU YA RASULULLAH



Tarikh : 21hb Sept 2023

Masa : 9.00 malam

Tempat : Dewan Theater A

"sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang baik"
hadith

Pada 21 September 2023 telah diadakan Festival Nasyid yang bertema Untukmu Ya Rasulullah. Festival yang diadakan di Dewan Teater A ini telah mendapat 8 penyertaan dari semua jabatan.

Festival nasyid yang julung kali diadakan ini telah dianjurkan Jabatan Teknologi Hijau. Festival nasyid ini juga dapat dijadikan platform mencungkil bakat nyanyian pelajar KKTM Sri Gading.





**DIGITAL
CONSTRUCTION,
WORLDSKILLS
MALAYSIA BELIA
(WSMB) 2023
PERINGKAT AKHIR**



WSMB ialah pertandingan kemahiran yang boleh menjadi salah satu platform untuk menguji dan mengangkat tahap kemahiran peserta ke peringkat yang lebih tinggi.

KKTM Sri Gading telah memasuki pertandingan akhir Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 2023 bagi Bidang Digital Construction. 4 orang pelajar telah terpilih ke peringkat akhir. Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali telah memberikan kata-kata semangat dan amanat buat pelajar yang terpilih.

Pertandingan berlangsung di MYBIM CENTRE, Kuala Lumpur bermula 24 hingga 28 September 2023.

Selamat Berjuang Kepada 4 Peserta Bidang Digital Construction yang mewakili KKTM Sri Gading & MARA di Pentas Akhir Worldskills Malaysia Belia 2023.

SENARAI NAMA PESERTA

1. Muhammad Amirudin Bin Abdul Latif
2. Muhammad Farid Bin Ahmad Rusli
3. Mohamad 'Izzat Syahmi Bin Shaharuddin
4. Muhammad Farhat Bin Panut



BIGSELLER TRAINING


Unit Usahawan KKT M Sri Gading telah melaksanakan Program "BigSeller Training" pada 24 September 2023 di Dewan Teater A bersama 113 orang pelajar semester 5 yang mengambil subjek Digital Enterprise.



Program ini bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk menyelaras jualan pelajar kepada perniagaan atas talian dan memperkasakan pelajar dengan platform e-dagang seperti shopee dan tiktok.

IPMA BRIDGE DESIGN COMPETITION 2023

IPMA Bridge Design Competition 2023 telah diadakan pada 24 September 2023 bertempat di Dewan Darul Takzim adalah aktiviti anjuran Jawatankuasa KIK dan Rekacipta KKTM Sri Gading. Pertandingan ini terbuka kepada seluruh Institusi Pendidikan MARA seluruh Malaysia.



Pertandingan ini berkonsep “Nurturing Talents” di mana elemen yang ditekankan adalah kreatif dan inovatif. Dalam pertandingan ini pelajar dikehendaki menghasilkan model jambatan yang dibuat daripada kayu balsa dan benang. Model yang dihasilkan akan diuji supaya dapat menanggung beban tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pihak juri.



Pertandingan ini juga menjadi platform untuk mencari peserta bagi Pertandingan International Bridge Competition yang akan diadakan di dalam dan luar negara.



“Saya Yang Ayu dan Jelita”

Program bual bicara ‘Saya Yang Ayu dan Jelita’ yang dianjurkan oleh Unit HELWA di bawah Sekretariat Kerohanian ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar siswi KKTm Sri Gading. Program ini berlangsung pada 24 September 2023 dari jam 8.00 hingga 11 pagi. Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk meraikan pelajar-pelajar wanita khususnya berkenaan adab-adab dalam berpakaian serta tingkah laku ke kuliah.

Dalam sesi ini turut diadakan beberapa aturcara seperti ucapan daripada Puan Hajjah Hanna Hayzalina binti Zainal yang menjalankan tugas Timbalan Pengarah (HEP) dan perkongsian oleh Puan Azni binti Che Ali yang bertajuk *Saya Yang Ayu dan Jelita*.

Pelajar-pelajar turut berpeluang untuk merias wajah rakan-rakan serta memperagakan fesyen pakaian mereka. Selain itu, pengumuman pemenang bagi Pertandingan Video Pendek yang bertemakan Wanita Solehah telah diumumkan dan hadiah pemenang turut disampaikan dalam program yang sama.

[SENARAI NAMA PEMENANG DAN LINK BAGI PERTANDINGAN VIDEO ADALAH SEPERTI BERIKUT :](#)
TEMPAT PERTAMA

NURLIYANA BINTI AHMAD KAMAL (DTG1A)
NURFAQIHAH BINTI ZAINI (DTG1B)
<https://vt.tiktok.com/ZSNJDJGw/>

TEMPAT KEDUA

RAFIQAH AFLINAH BINTI AFFANDI (DTV5A)
<https://vt.tiktok.com/ZSNJA7VKB/>

TEMPAT KETIGA

NURIN BATRISYIA BINTI SHAMSUL HADI (DTE 5A)
<https://vt.tiktok.com/ZSNJAskvm/>

SAGUHATI

NUR AMYLIA HANIE BINTI HAMBALI (DTH 3A)
<https://vt.tiktok.com/ZSNJAEjn3/>



MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KESATUAN PEGAWAI-PEGAWAI MARA (KPPM) YANG KE-49



Pada 29,30 September dan 1 Oktober 2023 telah berlangsung Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kesatuan Pegawai Pegawai MARA (KPPM) yang ke-49. Mesyuarat ini berlangsung di Hotel Grand River View Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Semua ahli KPPM dijemput untuk hadir akan tetapi 5 orang wakil staf KKTM Sri Gading telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Mesyuarat dwi tahunan diadakan bagi membincangkan usul-usul semasa kebajikan staf, memberikan motivasi kepada ahli kesatuan, pemeriksaan kesihatan, pengiraan undian jawatan tertinggi KPPM serta pelantikan jawatan tertinggi KPPM bagi sesi 2023-2025.

Presiden : Ts. Ahmad Fauzi Bin Mohamed

Timbalan Presiden: Nik Syuharul Apizo Bin Safien

Setiausaha: Wan Maziah Binti Wan Ibrahim

Penolong Setiausaha: Aike Nur Ismha Bt Baharudin

Bendahari: Khairul Izwan Bin Berahim @ Ibrahim

Timbalan Bendahari: Hamid Bin Hamad

***Jawatan: Exco (Executive Council Members)**

1. Raja Nor Marini Bt Raja Salleh Alzaman
2. Azeana Binti Abdullah
3. Mohd Muhaymin Bin Muhamad
4. Md Abdul Karim Bin Md Razale
5. Mahadi Bin Kadir
6. Ahmad Khairulnizam Bin Muhamad
7. Ahmad Fizry bin Mohamad Sharif

***Juruaudit Dalam**

1. Ts. Nik Rashidi Bin Nik Mohamad
2. Mohd Radzi Bin Tarmizi

KEPUTUSAN UNDIAN PEMILIHAN EXCO KPPM → BAGI SESI 2023-2025



ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULAN SEPTEMBER 2023

Penerima Anugerah Pekerja Terbaik bagi bulan September 2023 telah diputuskan oleh pihak pengurusan tertinggi dan bersetuju untuk menganugerahkan kepada 3 orang staf akademik dan seorang staf pentadbiran atas kriteria-kriteria dan sumbangan terhadap kolej.

AKADEMIK

EN MOHAMAD BAHARIN BIN AHMED
EN MOHD FIZAL BIN ABU BAKAR
EN MOHD FAZIL BIN JAMALUDDIN

PENTADBIRAN

PN MURNI BINTI MARTHININ

Tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Pekerja Terbaik bulan September 2023. Semoga anugerah ini menjadi pembakar semangat untuk staf yang lain juga.



PROGRAM INDUSTRIAL TALK SERIES DAN SESI TEMUDUGA PELAJAR PRAKTIKAL SESI JAN-JUN 2024 BERSAMA TERAJU CONSTRUCTION SDN BHD

2023



Teraju Construction Sdn Bhd telah mengambil langkah bijak dalam pengambilan pelajar pelatih untuk syarikat mereka melalui Program Industrial Talk Series dan Sesi Temuduga Pelajar Praktikal Sesi Jan-Jun 2024. Program ini dilaksanakan pada 4 Oktober 2023 (Rabu) jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Dewan Teater A dan perpustakaan kolej. Pelajar yang terlibat adalah pelajar tahun akhir iaitu semester 5. Wakil dari Teraju Construction Sdn. Bhd. adalah Tn Hj Fakrul Nazhi bin Hanaffi (Managing Director TCSB), En Azili bin Tukiman (Pengarah Projek) dan En Jabar (Pengarah Projek).



Teraju Construction Sdn Bhd juga telah bersetuju mengadakan jalinan kerjasama bersama KKTMSri Gading bagi menyediakan penempatan pelajar untuk Latihan Industri (Internship / On Job Training), membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada pelajar lepasan KKTMSri Gading, perkongsian kepakaran, kemahiran dan ilmu dalam bidang kemajuan kerjaya yang terkini untuk tenaga pengajar dan pelajar, serta kerjasama dalam bidang lain juga dipersetujui.

Tn Hj Fakrul Nazhi telah memberi taklimat berkaitan Teraju Construction Sdn Bhd dan industri pembinaan, manakala En Azili dan En Jabar menguruskan bahagian temuduga pelajar praktikal.





PROGRAM KOLABORASI PERKONGSIAN PINTAR BERSAMA SMK (FELDA) KAHANG TIMUR, JOHOR.

Pelajar SMK (Felda) Kahang Timur telah menghadiri Program Kolaborasi Perkongsian Pintar anjuran KKTm Sri Gading pada 5 Oktober 2023 (Khamis) dengan diiringi beberapa orang guru. Tujuan program ini dilaksanakan adalah mewujudkan jaringan perkongsian ilmu antara kedua agensi dan memperluaskan promosi pengambilan pelajar bagi sesi 2024. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. ³⁴

SEMINAR PROGRAM KELESTARIAN INSTITUT PERUBATAN RESPIRATORI (IPR) KUALA LUMPUR BERSAMA PROGRAM TEK. KEJ. PEMBINAAN BANGUNAN HIJAU (DTE) KKTM SRI GADING



Seminar Program Kelestarian IPR Kuala Lumpur bersama Program Tek. Kej. Pembinaan Bangunan Hijau (DTE) KKTM Sri Gading telah diadakan pada 4 Oktober 2023 dan dihadiri oleh staf IPR Kuala Lumpur. Turut hadir pada seminar ini ialah Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Haji Azman Bin Ali serta Encik Abd Halimnizam Bin Hj Abdullah dari Jabatan DTE.

Pembinaan Bangunan Hijau atau juga dikenali pembinaan hijau adalah merujuk kepada kedua-dua struktur dan proses permohonan yang bertanggungjawab alam dan sumber-cekap di seluruh kitaran hayat bangunan. Ia perlu di teliti dari merancang untuk reka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan, pemberkualihan, dan penghancuran.



Penceramah yang di datangkan khas dari KKTM Sri Gading iaitu Ts Mawardi bin Hussain dari Jabatan DTE telah membuat perkongsian berkenaan topik ini. Penerangan Bangunan Hijau yang mengandungi beberapa aspek berkaitan iaitu isu pemanasan global semasa, pengurusan tenaga, air dan kitar semula di organisasi.

PROGRAM OUTDOOR RECREATION COURSE (OUTREC 1)



Program Outdoor Recreation Course (OUTREC 1) telah diadakan selama 4 hari iaitu pada 5-8 Oktober 2023 di Kompleks Rakan Muda Desaru, Johor. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Kokurikulum dan dihadiri oleh 20 orang pensyarah KKTm Sri Gading.

Program Outdoor Recreation Course (OUTREC 1) merupakan satu kursus yang mampu memberi ilmu kepada setiap ahli yang mengikutinya. Kursus ini secara umum mengajar mengenai sesuatu perkara. Kursus ini telah menyediakan pelbagai aktiviti yang perlu dilakukan secara berkumpulan. Program ini juga adalah salah satu aktiviti menyambut Hari Sukan Negara bagi tahun 2023.

Kursus ini mampu memberi impak yang positif antara adalah :


1. Pensyarah dapat menyuntik semangat serta daya tahan dan daya juang ke arah kekuatan rohani, jasmani, emosi dan intelek yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan agar menjadi pemimpin yang baik dalam sesuatu organisasi.
2. Mengukuh kerjasama yang erat, semangat kesukarelawan yang tinggi dan komunikasi yang berkesan dalam organisasi dan komuniti.
3. Melahirkan pensyarah dengan kemahiran yang menepati kehendak (CQI) dalam proses mengurus, memantau dan menilai reka bentuk / semakan kurikulum.

PERTANDINGAN WORLD YOUTH INVENTION AND INNOVATION AWARD (WYIIA) INDONESIA



Pertandingan WYIIA Indonesia telah diadakan pada 10 Oktober 2023 di BIM Lab KKT M Sri Gading secara atas talian. Program ini dianjurkan oleh Indonesian Young Scientists Association (IYSA)

Pertandingan World Youth Invention and Innovation Award (WYIIA) merupakan satu platform untuk pelajar menyerlahkan lagi bakat, kreativiti serta idea-idea yang lebih menarik. Pertandingan ini juga bukan memberi ruang kepada pelajar namun memberi peluang kepada para pendidik untuk melakukan inovasi serta reka cipta yang lebih baik.



KEDUA-DUA PENYERTAAN TELAH MENDAPAT PENGIFTIRAFAN "PINGAT EMAS" DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

Pingat Emas Bidang Teknologi:

Tajuk Kajian: e-SiteDesk - A Digitalization Construction Site Management.
Dari Jabatan DTM KKT M Sri Gading
Supervisor: YM Tengku Irni Nazlia binti Tengku Ibrahim
Penglibatan: 3 pelajar Jabatan DTM

Pingat Emas Bidang Alam Sekitar:

Tajuk Kajian: Development of Energy Apportionment Kit With Carbon Emission Equivalent Calculator.
Dari Jabatan DTE KKT M Sri Gading
Supervisor: Ts. Mohd Mawardi bin Hussain
Penglibatan: 5 pelajar Jabatan DTE 37

PERTANDINGAN SILAT SIRKIT PEMILIHAN SUKMA 2024 NEGERI JOHOR TAHUN 2023 (SIRI 2)



Majlis Sukan Negeri Johor telah mengadakan Pertandingan Silat Sirkit Pemilihan Sukma 2024 Negeri Johor tahun 2023 (Siri 2) pada 5-7 Oktober 2023 di Dewan Darul Takzim. Penyertaan pelajar daripada KKTMS Sri Gading adalah seramai 8 orang putra dan 3 orang putri.

Pertandingan Silat Sirkit ini dapat melahirkan pesilat yang berpotensi serta mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa serta mewujudkan budaya bersukan dikalangan pelajar serta menyumbang ke arah kesihatan fizikal dan mental.



Program ini bermatlamat untuk membentuk satu pasukan yang mantap dari segi mental, fizikal dan spiritual yang tinggi pada pesilat dan memilih pesilat yang berkaliber dan bersemangat jitu untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Program ini juga adalah salah satu aktiviti KKTMS Sri Gading sempena menyambut Hari Sukan Negara.

*Pencapaian pingat mengikut kategori untuk KKTMS Sri Gading :

- 1 Emas kategori Bebas Putri
- 1 Emas Kategori H Putra
- 1 Perak Kategori F Putra
- 1 Gangsa Kategori C Putri

PROGRAM : SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA

LOKASI : MENDAKI BUKIT PAYONG, PARIT SULONG

Aktiviti mendaki sangat sinonim dilakukan di kawasan berbukit-bukau, bergunung-ganang, berlembah atau bergenting tinggi yang berbatu, berpasir, atau bertanah alun. Mendaki adalah merupakan sejenis aktiviti lasak yang memerlukan peneraju laluan bagi aktiviti ini untuk berjalan, di atas binaan alam semulajadi, atau lebih tepat lagi mengikut aliran trail atau jalur pendakian. Jadi, mendaki Bukit Payong di Parit Sulong telah menjadi pilihan kami untuk menyambut program sempena Sambutan Hari Sukan Negara pada 14 Oktober 2023.




**CHALLENGE YOUR
SELF!** "After a days walk,everything has twice its usual value"


SATURDAY
14 OCTOBER 2023

Bukit Payung
+60126007627 (PN.FADZILAH)
+601123834931 (HAZIM)

Program pendakian ini dapat meningkatkan ketahanan mental dan fizikal untuk memberi persediaan kepada pelajar dengan cabaran di masa akan datang, memupuk nilai-nilai murni seperti semangat kerjasama dan setiaikawan dalam diri pelajar, menaikkan semangat para peserta untuk terus berusaha dan tidak mengalah dengan cabaran yang menimpa serta menambah pengetahuan para pelajar serta kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam semulajadi.



LET'S READ TOGETHER FOR 10 MINUTES



Perpustakan KKTm Sri Gading telah menganjurkan Program Let's Read Together for 10 Minutes pada 18 Oktober 2023 bermula jam 10.30 pagi hingga 10.40 pagi sebagai tanda komitmen untuk sama-sama membentuk budaya membaca dan memberi kesedaran di kalangan warga KKTm Sri Gading khususnya dan seterusnya kepada masyarakat.



Program yang dijalankan serentak seluruh negara ini dianjurkan sempena Hari Buku Sedunia yang merupakan acara tahunan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

PROGRAM MOBILISASI SKUAD SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA (SATRIA) TAHUN 2023 PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT



Program Mobilisasi Skuad Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA) tahun 2023 peringkat daerah Batu Pahat telah diadakan pada 21 Oktober 2023 serta dihadiri oleh Sekretariat ARP dan pelajar ARPRM KKTM Sri Gading.



Program ini dianjurkan adalah untuk melahirkan belia yang berpengetahuan, berkemahiran, prihatin, bertanggungjawab, mempunyai nilai-nilai kesukarelawanan yang tinggi, saling bantu-membantu serta peka dengan keadaan sekeliling. Ia juga dapat mendedahkan kepada belia melalui pembelajaran, pengalaman secara hands-on. Menggunakan inisiatif dan kreativiti dalam melaksanakan program / aktiviti kesukarelawanan / kemanusiaan di peringkat akar umbi dan komuniti setempat serta mendidik dan menggalakkan belia untuk menceburi dunia kesukarelawanan dan kemanusiaan secara lebih profesional di masa hadapan.

Pertandingan ini juga menjadi platform kepada belia melaksanakan aktiviti / program kesukarelawanan / kemanusiaan secara sistematik dan teratur tanpa mengira bangsa dan agama dalam melaksanakan tugas-tugas kesukarelaan.

PROGRAM KOLABORASI CSR ANTARA PARLIMEN SRI GADING DAN JABATAN DTH ROAD TOUR DTH BERSAMA PELAJAR SMK SERI GADING (SEGA)

Seramai 33 orang pelajar tingkatan 3 serta 3 orang kaunselor dari SMK Seri Gading telah diraikan dalam satu program lawatan dan ilmiah. Program ini merupakan program kolaborasi yang telah dianjurkan bersama Parlimen Sri Gading dan juga Jabatan DTH.

Dalam program ini, peserta telah diberikan taklimat berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan dalam Program DTH dan syarat-syarat kemasukan ke KKT M Sri Gading yang telah disampaikan oleh Ts Lelasari bin Ali, Ketua Program DTH. Perkongsian berkenaan keistimewaan belajar dalam Program DTH pula telah diberikan oleh saudara Siti Sarah binti Hanafi yang juga alumni dari SMK Seri Gading dan kini sedang melanjutkan pelajaran di Australia.

Pelajar semester 6 yang sedang menjalani latihan industri iaitu saudara Muhammad Syukri Haziq bin Samsir turut menyampaikan perkongsian beliau dalam program ini.

Selain itu, mereka telah dibawa melawat ke bengkel-bengkel turapan, trafik dan geomatik. Demonstrasi dan pertandingan mendirisiap alat ukur tanah juga telah dilakukan.

Majlis penutup Program Road Tour DTH ini telah disempurnakan oleh Encik Noor Khalib bin Sakib, Pegawai Khas kepada Yang Berhormat ahli Parlimen Sri Gading.. Turut hadir ialah Guru Penolong Kanan Pentadbiran SEGA, Puan Fazlinda binti Shuhaimi, Ts. Wan Jazlan Zuhairi bin Ghazali (Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik), Ketua Program DTH, Kaunselor-kaunselor dan pelajar-pelajar dari SEGA serta pensyarah dan pelajar dari Jabatan DTH.

Semoga dengan terlaksananya program seumpama ini dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah di kawasan setempat berkenaan peluang melanjutkan pelajaran yang ada di KKT M Sri Gading.

KHAMIS, 19 OKTOBER 2023
8.30 PAGI - 12.30 TENGHARI
DEWAN TEATER A
BENGKEL-BENGKEL JABATAN DTH

bersama
SMK Seri Gading
kolaborasi bersama
Parlimen Sri Gading

Aturcara Program:

8.30pg - 9.00 pg
Pendaftaran dan sarapan pagi

9.00 pg - 12.00 tgh

- Taklimat oleh Ketua Program DTH
- Sesi perkongsian oleh alumni SEGA-DTH (Siti Sarah binti Hanafi dan Muhammad Syukri Haziq bin Samsir)
- Lawatan ke bengkel Geomatik, Turapan dan Trafik
- Demonstrasi mendirisiap peralatan ukur tanah
- Pertandingan "Set-up Survey Equipment"
- Penyampaian hadiah dan penutup

12.00 tgh - 12.30 tgh
Makan tengahari dan bersurai



PROGRAM RAKAN EKSPRESI : PRO SKILL KOMUNIKASI @ RAKAN MUDA PERINGKAT NEGERI JOHOR

TIADA YURAN
TERHAD KEPADA 50 ORANG PERTAMA SAHAJAI

PROGRAM RAKAN EKSPRESI: PRO SKIL KOMUNIKASI @ RAKAN MUDA PERINGKAT NEGERI JOHOR

18 Oktober 2023 (Rabu)
08.00 pagi - 05.00 petang

Bilik Latihan Seri Teratai
Aras 1, Bangunan Pejabat Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

LATAR BELAKANG

• Bagi kebanyakan orang termasuk golongan belia, pengucapan awam akan membuatkan diri menjadi cemas apabila menghadapi situasi di mana kita perlu bercakap dengan khalayak sama ada di atas pentas di hadapan orang ramai, sosial atau organisasi yang kita serta.

• Pendekar kepada kemahiran pengucapan awam ini amat diperlukan untuk melahirkan golongan belia yang mempunyai keberanian dan rasional dalam menyampaikan idea dan ucapan.

• Dengan adanya pendekaran sebegini ini, ianya dapat membina keyakinan untuk berhadapan dengan sesueh majlis tidak kira majlis formal, tidak formal atau hanya penyampaian maklumat di media sosial.

• Menyedari kepentingan dan peranan belia sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa depan, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara mengambil inisiatif melaksanakan Pro Skil Komunikasi @ Rakan Muda bagi memberi peluang kepada ahli pelajar untuk belajar dan menguasai ilmu pengucapan umum dengan lebih baik disamping memantapkan kaedah penyampaian serta komunikasi yang berkesan sekaligus melahirkan belia yang mempunyai kemahiran instan, berwibawa dan berdaya.

OBJETIF

- Mencungkil bakat serta potensidiri anak muda ke arah penonjolan imej kendiri yang terampil
- Menyediakan platform mengasah kemahiran dan meningkatkan kemahiran komunikasi formal sedia ada secara efektif
- Membudaya pengucapan awam sebagai wahanan mengetahui idea secara bernes dan profesional

PENGENALAN RINGKAS KURSUS

• Takrifan Rakan Ekspresi adalah platform mengekspresikan penyeronohan bakat, minat dan idea melalui lisan, penulisan serta karya kreatif berlandaskan nilai moral, kerohanian, adab dan tatasusila.

• Program Pro Skil Komunikasi @ Rakan Muda adalah merupakan satu inisiatif penyediaan ruang mengasah bakat anak muda bagi meningkatkan dan memantapkan kemahiran komunikasi khususnya pengucapan awam secara efektif dan berkesan.

• Secara ringkasnya, Pro Skil Komunikasi @ Rakan Muda adalah program "Panduan pengucapan awam berkarakter".

Global Technopreneur University 2030 Trustworthy - Professional - Innovative

UTHM Produces Professionals

MALAYSIA MADANI

STARS NATIONAL SYSTEM



Program ini telah dijalankan pada 18 Oktober 2023 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat. Program yang dianjurkan oleh Rakan Muda Peringkat Negeri Johor ini telah dihadiri oleh seramai 19 orang pelajar terutamanya ahli Kelab Debat dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KKTM Sri Gading.

Program ini bertujuan untuk mencungkit bakat serta potensidiri anak muda ke arah penonjolan imej kendiri yang terampil dan membudaya pengucapan awam secara bernes, profesional dan berwibawa.

Program ini menyediakan platform kepada pelajar untuk mengasah kemahiran dan meningkatkan kemahiran komunikasi formal sedia ada secara efektif.

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2023 PERINGKAT KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING

Sabtu tahun, Sambutan Hari Sukan Negara disambut oleh semua warganegara Malaysia. Sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan di mana ia adalah satu langkah pro aktif didalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah ‘Negara Bersukan’.

KKTM Sri Gading juga telah menganjurkan Sambutan Hari Sukan Negara 2023 pada 13 hingga 22 Oktober 2023.

Antara program yang dijalankan ialah :

1. Program Eksplorasi Alam di Bukit Payung Batu Pahat
2. Program Sukaneka Spektacular : Thrills, Skills and Team Chills di KKTM Sri Gading
3. Program Mini Karnival sempena Hari Sukan Negara 2023 (Sihat Cergas) di Senggarang
4. Program Kejohanan Futsal Tertutup Batu Pahat Piala YB AminolHuda Hassan Parlimen Sri Gading 2023 di UTHM
5. Program Hari Belia Negara peringkat negeri Johor 2023



Objektif program ini adalah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat yang cergas dan aktif, memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum serta meningkatkan pengetahuan sukan dalam rakyat Malaysia.



PERTANDINGAN MODEL REKA BENTUK BIM TERBAIK (AKADEMIK)

Pertandingan Model Reka Bentuk BIM Terbaik (Akademik) telah dijalankan pada 24 Oktober 2023 di BIM JKR Malaysia Kuala Lumpur.



KKTM Sri Gading telah menghantar 5 orang pelajar dari Jabatan DTV di bawah pimpinan Pn. Izzati Binti Yahya, TVETMARA mengungguli 2 tempat teratas bagi kategori Anugerah Model BIM Terbaik, (Kategori Akademik) sempena 5th JKR BIM Day 2023. TVETMARA diwakili oleh KKTM Pasir Mas dan KKTM Sri Gading.



KKTG SRI GADING

SOLIDARITI BUAT PALESTINE

KHAMIS | 26.10.2023 | 11 RABIUL AKHIR 1445H
8.00 PAGI | SURAU ANNUR

ATURCARA PROGRAM:

- 8.00 pagi : Solat sunat Dhuha dan solat sunat Hajat untuk Palestin berjemaah
- 8.30 pagi : Ceramah Khas "Apa Pentingnya Palestin kepada Ummah?" disampaikan oleh Saudara Muhammad Izham Hakimi bin Mohd Zali, wakil Global Peace Mission (GPM) Malaysia
- 10.00 pagi : Pelancaran Tabung "Solidariti buat Palestin"
- 10.15 pagi : Bersurau

Anjuran : Sekretariat Kerohanian dan BADAR Surau An-Nur



GLOBAL PEACE
MISSION
Malaysia

SOLIDARITI BUAT PALESTINE

Isu Palestin dan Israel bukanlah suatu perkara yang baharu dan ia merupakan isu yang telah lama berlarutan bermula sejak tahun 1948 apabila pada tahun tersebut Israel mula bertapak di Palestin.

Bermulanya pada tahun tersebut, rakyat Palestin telah menerima ujian yang besar dan getir seperti kehilangan ahli keluarga dan tempat tinggal akibat tindakan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan Israel terhadap rakyat Palestin.

Justeru itu, isu ini perlu dibangkitkan dan diperjuangkan oleh umat Islam di seluruh dunia kerana perkara ini bukan berkaitan tentang isu kemanusiaan semata-mata, bahkan isu ini berkait dengan akidah dan maruah umat Islam.

Walaupun terdapat segelintir masyarakat dunia yang masih tidak mengambil tahu tentang isu ini, namun mereka perlu menyedari bahawa isu Palestin dan Israel adalah suatu perkara yang perlu difahami dengan teliti agar hak yang sebenar dapat ditegakkan dengan adil.

Sekretariat Kerohanian dan BADAR Surau An Nur telah menganjurkan Program "Solidariti Buat Palestin" pada 26 Oktober 2023.

KKTG Sri Gading juga berbesar hati menjemput Saudara Muhammad Izham Hakimi bin Mohd Zali, wakil Global Peace Mission (GPM) Malaysia sebagai penceramah bagi program ini. Tajuk ceramah khas yang disampaikan ialah "Apa pentingnya Palestin kepada ummah?".



PENGUNGSIAN BANGUNAN (FIRE DRILL)

ASRAMA LELAKI & PEREMPUAN

PROGRAM DEMONSTRASI LATIHAN KEBAKARAN BERSAMA PIHAK BOMBA

TARIKH

25 OKTOBER 2023

HARI

RABU

LOKASI

PADANG KKTMSG



Jawatankuasa MERT KKTMSG telah melaksanakan program pengungsian bangunan (Fire Drill) asrama lelaki & perempuan bersama Pihak BOMBA Ayer Hitam, Batu Pahat di dalam kampus KKTMSG Sri Gading.

Penceramah yang terlibat ialah pegawai BOMBA Ayer Hitam, PBK II Ramli Bin Said dan 7 orang PB BOMBA turut hadir bersama.

Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pengungsian bangunan dan memadam api kecil sekiranya berlaku kebakaran di dalam bangunan.



CSR KKTM SRI GADING DENGAN PEJABAT KESIHATAN DAERAH BATU PAHAT



CSR KKTM Sri Gading dengan Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2023. Penyerahan 12 buah kerusi roda milik Klinik Kesihatan Batu Pahat yang telah diperbaiki oleh staf dan pelajar KKTM Sri Gading. Jumlah sebenar kerusi roda yang perlu diperbaiki adalah sebanyak 18 buah.

Tarikh terima dari Klinik Kesihatan Batu Pahat :

10 Mei 2023

Tarikh serah ke Klinik Kesihatan Batu Pahat :

31 Oktober 2023

PELANCARAN PROJEK MINI LANDSKAP KKTM SRI GADING

Pelancaran projek lanskap mini untuk dijadikan kawasan angkat bagi setiap program/jabatan.

Pelancaran diadakan di kawasan angkat program DTG pada 30 Oktober 2023.

Tarikh projek lanskap mini yang diberikan kepada setiap program/jabatan adalah antara 26/10/2023 - 23/11/2023.

Objektif program :

i. Menghasilkan lanskap mini sebagai tempat tarikan dengan suasana indah dan ceria.

ii. Menerapkan budaya hijau dengan menitikberatkan serta meningkatkan tahap kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



Kondusif dan Ceria

PROJEK MINI LANDSKAP KKTM SRI GADING

26/10/2023 - 23/11/2023

LOKASI : SEKITAR KKTM SG

Anjuran
JK Teknologi Hijau & Alam Sekitar
JK JPSMP

JOM IKLAN !!!

ALUMNI PROGRAM DTF

BUILD OR REBUILD

ONE HANDYMAN

Juruteknik kami adalah profesional dan berpengalaman. Kami pakar penyelenggaraan dan kami terkenal dengan kualiti mutu kerja dan kerja siap mengikut masa yang telah ditetapkan.

[PERKHIDMATAN KAMI](#) [WHATSAPP KAMI](#)

No. Pendaftaran CIDB
0120210810-SR080102

PAIP / PLUMBING Masalah paip bukan sahaja merengkukan - ia boleh memudarkan rumah anda jika tidak diaga dengan seujarnya. Kami merawakkan perkhidmatan yang anda perlukan untuk memastikan rumah anda sentiasa berfungsi dengan baik. Seperti masalah paip / bilik air / handies dan dapur tersumbat.

PENYELNGGARAAN Penyelenggaraan secara tetap memberu memastikan rumah anda kelebihan baik dan benar untuk jangka yang panjang juga memberi keserasian. Kami akan menjalankan semua senarai tugasan anda tidak kira besarnya atau kecil projek tersebut.

KERJA MENGECHAT Berikan warna baharu ke rumah anda dengan perkhidmatan mugecat kami. Tidak kira jika anda ingin mugecat dinding anda ataupun bumbung rumah, kami boleh mengendalikan untuk anda.

BAIKI Jika ada sesuatu yang rosak di rumah anda, kami boleh membalkanya. Perkhidmatan pembalkan kami bukan sahaja dapat memastikan rumah anda kelebihan terbaik, juga boleh menjimatkan masa dan wang anda. Seperti kebocoran pada bumbung, kerokakan pada dinding, siling dan lantai serta lain-lain kerokakan.

PEMASANGAN Kami boleh memberu anda untuk mengeluarkan yang lama dan menggantikannya yang baru. Dari pemasangan lantai, tingkap, pintu, langit, bingkai gambar dan lain-lain, kami boleh dipercayai untuk meyakini semua projek pemasangan anda.

ELEKTRIK Mempunyai projek yang melibatkan elektrik? Terlalu sukar mencari juruzeluk. Lantik kami untuk memberu anda. Pemasangan kipas, lampu, arif paras, penghawa dingin dan lain-lain.

KESELAMATAN Kami merawakkan perkhidmatan pemasangan CCTV. Dapat membantu serta Memantau Keselamatan di Rumah dan Permis. Peringgan anda. Walau dia mana sahaja anda berada.

HUBUNGI KAMI:

Email : onehandymanrns@gmail.com
Phone : +6014-8885911

LOKASI KAMI:

1st Floor, Room J, lot 5615, subplot 19,
Uni Square Commercial Centre,
Kuching-samarahan Expressway,
94300 Kota samarahan, Sarawak

